

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, SELAKU PRESIDEN
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA,
DI MAJLIS JAMUAN PENAUNG,
DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR,
PADA HARI AHAD 10HB. FEBRUARI,
1980, JAM 8.30 MALAM.

Yang Teramat Mulia, Tunku Abdul Rahman Putra, dan

Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah,

Yang Berbahagia Tan Sri Hamdan,
Pengerusi Jawatankuasa Kerja, Persatuan
Sejarah Malaysia, serta Puan Sri.

Dif-Dif kehormat serta isteri-isteri,

Para hadirin sekalian.

Majlis Jamuan Penaung yang dianjurkan
oleh Persatuan Sejarah Malaysia atau PSM pada
malam ini, membawa erti yang amat besar.

Kita berkumpul di majlis ini, kerana meraikan
seorang tokoh sejarah negara, bersempena dengan

2.

lahirnya

hari keputeraannya yang ke 77. Di samping itu,

PSM dapat mengisi Tabung Pembangunannya

bagi melaksanakan kegiatan dan rancangannya

bagi tahun-tahun lapan puluhan.

2. Saya berdua bersyukur kehadiran

Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan izinNYA,

dapat kami bersama-sama hadir di majlis yang

meriah ini. Kami mengucapkan tahniah kepada

Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra,

sempena hari lahirnya yang baru lalu, serta

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan

... 3/-

3.

di atas kesudiannya menjadi tetamu kehormat PSM di majlis ini. Mudah-mudahan ALLAH melanjutkan usianya, serta mengurniakan kesihatan dan kebahagiaan kepadanya dan keluarganya.

3. Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada para hadirin sekalian, di atas sambutan yang amat menggalakkan, serta sumbangan dan sokongan yang telah diberikan terhadap usaha Persatuan Sejarah Malaysia pada malam ini. Saya penuh yakin, dengan bantuan dan kerjasama

...4/-

4.

semua pihak, terutamanya pakar-pakar dan peminat - peminat sejarah tanahair, PSM akan dapat menjayakan hasil-hasil yang lebih berkesan, di atas segala kegiatan dan rancangannya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. Majlis malam ini berthemakan 'Selamatkan Warisan Kita'. Banyak rancangan dan aktiviti yang harus kita semua usahakan, dengan cara perseorangan atau pun perkumpulan, ke arah menyelamatkan warisan negara kita. Dokumen, majallah dan barang-barang di zaman lampau, yang boleh mencerminkan dan mengabadikan liku hidup masyarakat zaman itu,

...5/-

5.

haruslah dipelihara dan dikumpulkan, untuk kajian zaman kini dan zaman akan datang. Dengan ini, maka kesedaran kepada sejarah dapatlah dipupuk dan disuburkan di jiwa rakyat Malaysia. Saya percaya, ada diantara kita atau kenalan kita, yang mempunyai bahan-bahan tersebut. Saya berharap, mereka akan menyerahkan bahan-bahan itu kepada pihak-pihak yang berkenaan, untuk disimpan dan dipelihara. Sumbangan seperti ini, tentu sekali akan menjayakan kempen "Selamatkan Warisan Kita".

5. Bagi menyelamatkan warisan negara, usaha-usaha kita harus juga ditumpukan kepada

6.

pengumpulan artefak-artefak sejarah, yang berkaitan dengan tokoh-tokoh dan perwira negara. Ada dikalangan kita sekarang ini, mereka yang hidup sezaman dengan tokoh-tokoh dan perwira negara, yang kini tinggal namanya sahaja. Kita haruslah berusaha bertemu ramah dengan mereka, dan merekodkan cerita-cerita lama itu. Hasil usaha ini, akan menjadi satu sumber sejarah yang tidak ternilai harganya. Kepada ahli-ahli sejarah, pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat dari rekod-rekod lisan ini, akan memberi satu perspektif dan daimensi baru, dalam menginterpretkan sejarah.

7.

kepentingan

6. Sains dan teknologi tidak menekankan /
sejarah. Kesedaran kepada sejarah, ketara sekali
telah menjadi lemah. Pejuang-pejuang tanah air,
dapat dikenali oleh generasi muda melalui catitan-
catitan sejarah. Tak kenal tak cinta, begitulah
bunyinya rangkaikata, yang menekankan pentingnya
pengenalan kepada sesuatu perkara. Untuk menyubur-
kan semangat cinta kepada tanah air, khasnya
dikalangan generasi muda hari ini, peranan yang
harus dimainkan oleh sejarah amatlah penting.

7. Pihak Kerajaan sedar akan kepentingan
sejarah. Kementerian-kementerian dan juga
agensi-agensi kerajaan yang lain, telah berusaha

8.

merancang dan melaksanakan berbagai projek, untuk mengenalkan pentingnya sejarah kepada semua golongan masyarakat. Kementerian Pelajaran telah pun berjaya menghasilkan sukatan pelajaran sejarah yang baru, yang bercorak, 'ethnocentric' iaitu pendekatan kepada sejarah dari kaca mata orang-orang tempatan.

8. Program 'Hari Ini Dalam Sejarah', merupakan satu lagi usaha kerajaan, untuk mengukuhkan kesedaran rakyat kepada sejarah. Saya juga berharap, usaha-usaha gigih ditumpukan untuk menyelamatkan dan memelihara

9.

bangunan-bangunan sejarah yang lama. Saya juga berharap pengeluaran barang-barang purba dari negara ini ke negara-negara lain, melalui perniagaan barang-barang purba, ^{*hendaklah*} dikawal. Dengan jalan ini, kita tidaklah kehilangan bahan-bahan sejarah yang berharga itu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. Mengikuti peristiwa-peristiwa lama, serta memahami perkembangan - perkembangan pahit-manis di zaman lampau, boleh mengukuhkan lagi semangat rakyat cintakan negara. Dalam negara sejarah/ mencapai Kemerdekaan dan mengisi

10.

kemerdekaan, ada tiga peringkat yang patut diketahui.

10. Peringkat pertama ialah selepas

Perang Dunia Kedua, yang merupakan semangat kebangkitan politik, serta semangat menentang penubuhan pemerintahan Malayan Union.

Peringkat kedua ialah perkembangan-perkembangan kearah pencapaian kemerdekaan. Peringkat

ketiga ialah zaman mengisi kemerdekaan, iaitu perancangan dan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan untuk faedah rakyat.

...11/-

11.

11. Pada malam ini, kita meraikan seorang tokoh negara yang telah banyak berjasa. Sumbangannya dalam perjuangan Kemerdekaan tanahair dan penubuhan Malaysia, telah menjadikannya seorang negarawan yang terkemuka dan terkenal di seluruh dunia. Semangat gigih Yang Teramat Mulia Tunku, yang tidak mengenal penat lelah dan kegagalan, haruslah diwarisi oleh kita semua.

...12/-

12.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

12. Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih serta penghargaan, kepada ahli Jawatankuasa kerja PSM, terutamanya Tan Sri Hamdan, diatas penghormatan yang telah diberikan kepada kami berdua di Majlis Jamuan Penaung malam ini.

Terima kasih.



No Siri	468
No Penerimaan	159 / 80